



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PEKELILING
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Tarikh : 11 April 2016

Bil: 2/2016

Ruj: UMS/PPI1.3.2/800-1/2/3

**GARIS PANDUAN
GERAN BANTUAN PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH (UMSGreat)**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bagi memaklumkan pemakaian Garis Panduan Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Senat Bil 3/2016 (Kali Ke-135) yang bersidang pada 31 Mac 2016 telah bersetuju mengesahkan Garis Panduan Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat).
- 2.2 Geran ini merupakan geran khas yang disediakan untuk pelajar pascasiswazah mod penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan khususnya bagi pelajar pascasiswazah di bawah seliaan pensyarah (penyelia) yang tidak mempunyai sebarang geran penyelidikan.
- 2.3 Geran UMSGreat ini diwujudkan dengan tujuan seperti berikut :
 - a. Membantu pelajar pascasiswazah dan pensyarah (penyelia) terlibat untuk membuat penyelidikan memadangkan tidak semua pensyarah (penyelia) mempunyai geran penyelidikan khususnya pensyarah-pensyarah baharu.
 - b. Untuk meningkatkan hasil penerbitan di kalangan pelajar pascasiswazah.
 - c. Untuk menggalakkan pelajar pascasiswazah menamatkan penyelidikan atau pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.
 - d. Menggalakkan pensyarah (penyelia) menerima lebih ramai pelajar pascasiswazah untuk diselia.
 - e. Sebagai usaha meningkatkan budaya penyelidikan di kalangan warga kampus khususnya melibatkan pensyarah muda dan pelajar pascasiswazah.

- 2.4 Pembiayaan geran ini meliputi bidang-bidang asas dangunaan yang dapat menyokong pembangunan nic penyelidikan universiti dan nic penyelidikan fakulti atau institut selaras dengan bidang keutamaan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan keperluan Negeri Sabah.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan ini merangkumi perkara-perkara berikut:
- a. Dokumen Garis Panduan Geran Bantuan Penyelidikan UMS (UMSGReat).
 - b. Borang Permohonan UMSGReat.
 - c. Borang Kemajuan Projek Penyelidikan (Kod Rujukan Borang UMSGReat2)
 - d. Borang Laporan Akhir Projek Penyelidikan (Kod Rujukan Borang UMSGReat3)
- 3.2 Garis panduan ini boleh juga dimuat turun melalui laman web Pusat Penyelidikan dan Inovasi di url **<http://www.ums.edu.my/ppiv2>**
- 3.3 Sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini bolehlah menghubungi Seksyen Pengurusan Penyelidikan, Pusat Penyelidikan dan Inovasi.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Mesyuarat Senat Bil 3/2016 (Kali Ke-135) iaitu pada **31 Mac 2016** .

Sekian, terima kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



PROFESOR DR. SHAHRIL BIN YUSOF

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Tarikh : 11 April 2016

s.k : Naib Canselor
Pendaftar
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Fail



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN
GERAN BANTUAN PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH
(UMSGreat)**

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1	Falsafah Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat)	3
1.2	Definisi Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat)	3
1.3	Tujuan Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat)	3
1.4	Bidang Penyelidikan	3
1.5	Kelayakan	4
1.6	Syarat Permohonan	4
1.7	Kaedah Permohonan	5
1.8	Tarikh Buka dan Tutup Permohonan	5

BAHAGIAN 2: PENILAIAN PERMOHONAN 6

BAHAGIAN 3 : KELULUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

3.1	Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	7
3.2	Peraturan Kewangan	7-9

BAHAGIAN 4 : HASIL PENYELIDIKAN

4.1	Penerbitan	10
4.2	Hak Harta Intelek	10
4.3	Hasil Pengkomersilan (Royalti)	10

BAHAGIAN 5 : PEMANTAUAN DAN LAPORAN AKHIR

5.1	Implementasi Projek	11
5.2	Laporan Kemajuan Projek	11
5.3	Laporan Akhir	11

BAHAGIAN 6 : LAIN-LAIN

6.1	Pembayaran Balik	12
6.2	Perubahan Skop Penyelidikan	12
6.3	Perlanjutan Tempoh Penyelidikan	12
6.4	Permohonan Pindah Peruntukan	12

Lampiran 1

Borang Permohonan

Lampiran 2

Borang Laporan Kemajuan Projek

Lampiran 3

Borang Laporan Akhir

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

1.1 FALSAFAH GERAN BANTUAN PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH (UMSGREAT)

Sebagai sebuah universiti yang beraspirasi untuk menjadi universiti penyelidikan, UMS perlu menyuburkan budaya penyelidikan bukan sahaja di kalangan kakitangan akademik malah di kalangan pelajar pascasiswazah juga. Untuk itu, Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat) diwujudkan untuk menggalakkan budaya penyelidikan di kalangan pelajar pascasiswazah. Geran UMSGreat ini diharap dapat menggalakkan penyelidikan asas dan gunaan untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

1.2 DEFINISI GERAN BANTUAN PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH (UMSGREAT)

Geran ini merupakan geran khas yang disediakan untuk pelajar pascasiswazah mod penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan khususnya bagi pelajar pascasiswazah di bawah seliaan pensyarah (penyelia) yang tidak mempunyai sebarang geran penyelidikan.

1.3 TUJUAN GERAN BANTUAN PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH (UMSGREAT)

Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat) diwujudkan dengan tujuan seperti berikut :

- a. Membantu pelajar pascasiswazah dan pensyarah (penyelia) terlibat untuk membuat penyelidikan memadamkan tidak semua pensyarah (penyelia) mempunyai geran penyelidikan khususnya pensyarah-pensyarah baharu.
- b. Untuk meningkatkan hasil penerbitan di kalangan pelajar pascasiswazah.
- c. Untuk menggalakkan pelajar pascasiswazah menamatkan penyelidikan atau pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.
- d. Menggalakkan pensyarah (penyelia) menerima lebih ramai pelajar pascasiswazah untuk diselia.
- e. Sebagai usaha meningkatkan budaya penyelidikan di kalangan warga kampus khususnya melibatkan pensyarah muda dan pelajar pascasiswazah.

1.4 BIDANG PENYELIDIKAN

Pembiayaan geran ini meliputi bidang-bidang asas dan gunaan yang dapat menyokong pembangunan nic penyelidikan universiti dan nic penyelidikan fakulti atau institut selaras dengan bidang keutamaan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan keperluan Negeri Sabah.

1.5 KELAYAKAN

Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat) ini terbuka kepada semua pensyarah (penyelia) yang mempunyai pelajar pascasiswazah secara penyelidikan di bawah seliaannya yang mendaftar secara sepenuh masa di Pusat Pengajian Pascasiswazah. Kriteria pelajar tersebut adalah seperti berikut :

- a. Pelajar dari dalam negara atau dari luar negara.
- b. Pelajar sarjana atau PhD secara penyelidikan yang baharu mendaftar atau sedang mengikuti pengajian secara sepenuh masa di Pusat Pengajian Pascasiswazah, UMS dengan syarat yang disebutkan di perkara (c) dan (d).
- c. Pelajar sarjana (bidang Sains dan Sains Sosial) boleh mengemukakan permohonan tidak lebih daripada dua semester daripada tarikh mendaftar.
- d. Pelajar PhD (bidang Sains dan Sains Sosial) boleh mengemukakan permohonan tidak lebih daripada tiga semester daripada tarikh mendaftar.
- e. Pelajar tersebut telah menunjukkan kemajuan dalam penyelidikan dan mencapai *milestone* yang telah ditetapkan.
- f. Pelajar tersebut belum menerima sebarang bantuan kewangan bagi tujuan penyelidikannya dari mana-mana agensi.
- g. Pensyarah (penyelia) belum mendapat mana-mana geran penyelidikan bagi tajuk kajian pelajar yang diselia.
- h. Bagi pensyarah (penyelia) yang mempunyai lebih daripada seorang pelajar, permohonan boleh dibuat bagi setiap pelajar di bawah seliaannya tertakluk kepada pelajar berkenaan memenuhi kriteria tersebut di atas.

1.6 SYARAT PERMOHONAN

Permohonan Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat) harus memenuhi syarat seperti berikut :

- a. Proposal pelajar pascasiswazah telah dibentangkan dan dinilai di peringkat Fakulti/Institut.
- b. Proposal pelajar pascasiswazah telah diperbaiki sepertimana yang telah disarankan oleh panel penilai di peringkat Fakulti/Institut.
- c. Pemohon tidak mempunyai sebarang geran penyelidikan ataupun geran penyelidikan yang diperolehi tidak berkaitan dengan topik atau kajian yang akan/sedang dijalankan oleh pelajar pascasiswazah di bawah seliaannya.
- d. Projek penyelidikan yang dilakukan merupakan tujahan (*niche*) penyelidikan universiti dan mampu membangunkan sesuatu industri bagi kepentingan universiti, negeri dan negara.
- e. Penyelidikan yang dilakukan merupakan projek yang dapat menghasilkan impak yang baik kepada Universiti, negeri ataupun negara secara keseluruhannya.
- f. Penyelidikan yang dilakukan mestilah merangkumi isu-isu kemanusiaan dan sains sejagat bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sejagat.
- g. Penyelidikan yang dilakukan berpotensi menambahbaik sesuatu polisi dan metodologi penyelesaian sedia ada.

1.7 KAEDAH PERMOHONAN

1.7.1 Permohonan boleh dibuat menggunakan borang yang disediakan (borang permohonan Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat) dengan menyertakan salinan borang penilaian pembentangan proposal pelajar pascasiswazah di peringkat Fakulti/Institut.

1.7.2 Tiga (3) salinan borang permohonan diperlukan bagi setiap permohonan dan ianya perlu dihantar ke :

Urusetia
Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat)
Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Aras 4, Blok Utara, Bangunan Canselor, UMS

1.7.3 Siling peruntukan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (JKIUMSGreat) berdasarkan keperluan pelajar. Jumlah bantuan untuk pelajar sarjana dan pelajar PhD adalah seperti berikut :

PRINGKAT PENGAJIAN	PENGKHUSUSAN	JUMLAH BANTUAN (RM)
Sarjana	Sains	10,000.00
	Sains Sosial	5,000.00
PhD	Sains	15,000.00
	Sains Sosial	7,000.00

1.7.4 Tempoh projek penyelidikan adalah tertakluk kepada jumlah pengajian yang ditetapkan di bawah Peraturan Pengajian Pascasiswazah.

1.7.5 Geran penyelidikan ini hendaklah diberikan kepada pelajar melalui pensyarah (penyelia) yang menyelia projek tersebut.

1.8 TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN

Tawaran geran UMSGreat akan dibuka sebanyak dua kali setahun iaitu pada awal semester baharu dibuka tertakluk kepada peruntukan kewangan universiti seperti jadual berikut :

FASA	MAKLUMAN PEMBUKAAN	TEMPOH PERMOHONAN
1	Bulan Februari	3 minggu
2	Bulan September	3 minggu

BAHAGIAN 2 : PENILAIAN PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan yang diterima oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi akan dinilai oleh Jawatankuasa Induk Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (JKIUMSGreat) yang mana ahlinya terdiri daripada :
- a. Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Inovasi merangkap Pengerusi; atau
 - b. Timbalan Pengarah (Penyelidikan), Pusat Penyelidikan dan Inovasi;
 - c. Dua (2) Wakil daripada gugusan Sains dan Sains Sosial. Gugusan terdiri daripada Sains, Teknikal dan Kejuruteraan, Sains Tulen, Sastera/Sains Sosial, Ekonomi/Perniagaan dan lain-lain tambahan gugusan yang dirasakan perlu oleh Pengerusi Jawatankuasa;
 - d. Setiausaha merupakan Penolong Pendaftar dari Pusat Penyelidikan dan Inovasi
- 2.2 Jawatankuasa ini akan memperakukan permohonan berdasarkan komen yang diberikan oleh panel penilai yang menilai proposal pelajar pascasiswazah di peringkat Fakulti/Institut.

BAHAGIAN 3 : KEPUTUSAN

3.1 KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 3.1.1 Surat kelulusan permohonan geran penyelidikan akan disampaikan kepada pemohon (penyelia).
- 3.1.2 Perjanjian perlu ditandatangani oleh pensyarah (penyelia) dan pelajar pascasiswazah di bawah seliaannya sebelum pengagihan peruntukan dibuat.
- 3.1.3 Akaun amanah hendaklah dibuka dalam tempoh 30 hari masa bekerja dari tarikh surat tawaran geran penyelidikan dikeluarkan. Kegagalan membuka akaun amanah akan menyebabkan tawaran Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat) dibatalkan secara automatik (tanpa notis) melainkan pemohon dapat mengemukakan sebab yang munasabah (secara rasmi/bertulis).
- 3.1.4 Pengagihan peruntukan akan dibuat secara berperingkat oleh Jabatan Bendahari mengikut ketetapan seperti berikut :

PERKARA	PERATUSAN AGIHAN PERUNTUKAN (%)
AGIHAN PERTAMA	70%
AGIHAN KEDUA	30%

- 3.1.5 Agihan peruntukan kedua hanya akan disalurkan selepas projek mencapai 70% perbelanjaan. Walau bagaimanapun, prestasi perbatuan juga akan diambil kira.

3.2 PERATURAN KEWANGAN

- 3.2.1 Prosedur perolehan/pembelian/perbelanjaan adalah tertakluk kepada pekeliling perbendaharaan terkini dan mengikut kepada peraturan kewangan universiti yang sedang digunakpakai dan berkuatkuasa.
- 3.2.2 Butiran perbelanjaan/perolehan/pembelian yang dibenarkan hanya meliputi peruntukan bagi vot perbelanjaan berikut :

a. Vot 11000 – Gaji

Perlantikan dan gaji untuk pembantu penyelidik tidak dibenarkan.

b. Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan

- i. Perbelanjaan adalah merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik (dengan kadar terendah) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja iaitu persampelan dan *Museum references/Taxonomy Reference Work* sahaja.

- ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- iii. Perjalanan dihadkan kepada kelas ekonomi atau kadar tambah paling terendah (jika ada).
- iv. Perjalanan ke luar negara (untuk tujuan persampelan sahaja) hendaklah dipohon secara bertulis dan mendapat kelulusan daripada Pengarah, PPI.

c. Vot 23000 - Komunikasi dan Utiliti

Perbelanjaan komunikasi dan utiliti berkaitan penyelidikan sahaja (Bil/prabayar telefon, Faks, Pos dll). Tuntutan untuk bil telefon (pra- dan pasca-bayar) hendaklah disertai dengan bukti yang jelas dan sahih (cth: perincian bil telefon yang digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja). Justifikasi keperluan untuk menyewa WiFi atau modem juga perlu dikemukakan sekiranya diperlukan. Penggunaan kaedah komunikasi yang paling ekonomik (cth: e-mel berbanding dengan panggilan telefon) amatlah digalakkan.

d. Vot 24000 – Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Sewa pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat pengangkutan berlesen sahaja.

e. Vot 27000 - Bekalan dan bahan-bahan penyelidikan

- i. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja boleh dibuat.
- ii. Pembelian bekalan bahan pakai-habis (termasuklah haiwan, pokok dan benih) dan bahan penyelidikan termasuk peralatan kecil dan bekalan bernilai kurang dari RM 3,000.00.
- iii. Perbelanjaan untuk membeli token atau saguhati berbentuk barangan runcit kepada responden kajian juga boleh menggunakan Vot ini.
- iv. Pembelian komputer (desktop, laptop) adalah tidak dibenarkan kecuali bidang penyelidikan yang dijalankan ialah dalam bidang ICT (dan mendapat kelulusan bertulis daripada PPI). Pembelian perisian adalah dibenarkan bagi projek penyelidikan yang benar-benar memerlukan (dan mendapat kelulusan bertulis daripada PPI).

f. Vot 28000 – Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada adalah tidak dibenarkan.

g. Vot 29000 – Perkhidmatan

- i. Lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, pemprosesan data (termasuk bayaran analisa sampel) dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- ii. Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus dan program sangkutan jangka pendek adalah tidak dibenarkan.

h. Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

Pembelian aset adalah tidak dibenarkan.

4.1. PENERBITAN

Pelajar yang menerima geran ini adalah dikehendaki menerbitkan hasil penyelidikan selaras keperluan bergraduasi sebagaimana dinyatakan dalam kaedah pengajian pascasiswazah UMS.

4.2 HAK HARTA INTELEK

Hak pemilikan harta intelek adalah hak milik Universiti. Pelajar digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa.

Garis Panduan Harta Intelek yang diamalkan di Universiti Malaysia Sabah boleh digunakan. Namun begitu, segala perbelanjaan bagi perlindungan Harta Intelek adalah di bawah tanggungjawab Universiti.

4.3 HASIL PENGKOMERSILAN (ROYALTY)

Hasil pengkomersilan perlu diagihkan mengikut polisi pengkomersilan yang sedia ada di Universiti Malaysia Sabah.

BAHAGIAN 5 : PEMANTAUAN

5.1 IMPLEMENTASI PROJEK

- 5.1.1 Permohonan yang telah diluluskan di bawah Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGReat) akan dipantau dari aspek prestasi projek dan prestasi kewangan projek.

5.2 LAPORAN KEMAJUAN PROJEK

- 5.1.2 Pelajar dikehendaki menghantar laporan kemajuan projek penyelidikan setiap enam (6) bulan.
- 5.1.3 Laporan kemajuan projek penyelidikan yang diperakukan oleh penyelia hendaklah dikemukakan kepada PPI yang terdiri daripada :
- Tajuk Projek dan Ringkasan Projek;
 - Prestasi Semasa Projek; dan
 - Laporan prestasi kewangan semester secara terperinci dengan menggunakan format seperti di bawah.

JADUAL 1 : LAPORAN PRESTASI KEWANGAN SEMESTER

Bil.	Ruk. Projek	Agihan Semasa (A)	Vot 21000	Vot 23000	Vot 24000	Vot 27000	Vot 28000	Vot 29000	Jumlah Perbelanjaan (B)	Baki (C = A + B)

- 5.1.3 Kegagalan untuk menghantar laporan kemajuan penyelidikan sepertimana yang dijadualkan akan menyebabkan aktiviti kewangan disekat sehingga laporan kemajuan diperaku oleh pihak PPI.
- 5.1.4 Pihak UMS berhak untuk menarik balik geran ini sekiranya:
- Pelajar tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan (contoh : prestasi perbatuan dan prestasi kewangan kurang daripada 50% selepas dua belas bulan).
 - Perbelanjaan yang dibuat tidak mematuhi peraturan kewangan sepertimana yang telah disebutkan dalam perkara 3.2.

5.3 LAPORAN AKHIR

- 5.3.1 Laporan akhir projek penyelidikan hendaklah dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tempoh pengajian pelajar tamat. Laporan hendaklah menggunakan Borang Laporan Akhir UMSGReat dengan menyertakan kertas penyelidikan yang telah diterbitkan.
- 5.3.2 Sebarang transaksi kewangan selepas tempoh 3 bulan tarikh akhir projek penyelidikan tidak akan dipertimbangkan.

BAHAGIAN 6 : LAIN-LAIN

6.1 PEMBAYARAN BALIK

6.1.1 Pelajar dikehendaki membayar balik peruntukan Geran Penyelidikan UMSGreat yang telah dibelanjakan sekiranya :

- a) Gagal bergraduat;
- b) Gagal menyiapkan projek penyelidikannya;
- c) Diberhentikan atau menarik diri daripada pengajian;
- d) Menukar penyelia selepas enam (6) bulan pertama dari tarikh projek bermula.

6.1.2 Pembayaran balik peruntukan geran penyelidikan UMSGreat dibahagikan mengikut peratusan seperti berikut :

- a) Pelajar – 70%
- b) Penyelia – 30%

6.2 PERUBAHAN SKOP PENYELIDIKAN

Permohonan secara bertulis berkaitan sebarang perubahan skop/tajuk projek penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada pihak PPI dalam tempoh enam (6) bulan pertama dari tarikh projek bermula.

6.3 PELANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN

Permohonan pelanjutan tempoh projek hendaklah dikemukakan kepada PPI selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat projek dan tempoh maksimum lanjutan ialah enam (6) bulan sahaja.

6.4 PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN

6.4.1 Permohonan pindah peruntukan hendaklah dipohon menggunakan borang yang berkaitan sebelum pelajar melakukan perbelanjaan di vot yang ingin ditambah/dikurang;

6.4.2 Perbelanjaan pada vot yang berkaitan hanya akan diluluskan/diproses selepas permohonan pindah peruntukan diluluskan oleh pihak PPI;

6.4.3 Pelajar hendaklah mengambilkira perbelanjaan akan datang (yang dirancang) semasa membuat permohonan pindah peruntukan;

6.4.4 Permohonan pindah peruntukan hanya dibenarkan maksimum dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh projek penyelidikan dijalankan.

LAMPIRAN 1

Kod Rujukan:

(Diisi oleh Urusetia)

BORANG PERMOHONAN GERAN BANTUAN PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH (UMSGreat)

UMSGreat APPLICATION FORM



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Dua (2) salinan borang ini hendaklah dihantar ke Pejabat Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Tingkat 4, Blok Utara, Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu
Two (2) copies of this form must be submitted to the Center for Research and Innovation office, Level 4, North Block, Chancellory Building, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu

[Borang yang tidak lengkap akan ditolak/Incomplete form will be rejected]

Permohonan untuk [Sila tandakan (✓)]:

Application for [Please tick (✓)]:

☐ **Pelajar Sarjana /Master Student**

☐ **Pelajar PhD/PhD Student**

A	TAJUK PENYELIDIKAN YANG DICADANGKAN : Title of Proposed Research :	
B.	MAKLUMAT PENYELIA/ DETAILS OF SUPERVISOR	
B(i)	Nama Penyelia : Supervisor Name	No. Kad Pengenalan/Pasport: IC/Passport Number:
B(ii)	Fakulti/Pusat/Institut/Unit: Faculty/Centre/Institute/Unit:	
B(iii)	No. Telefon Pejabat: Office Telephone No.	No. Telefon Bimbit: Handphone No.
B(iv)	Alamat e-mel: E-mail Address	
B(v)	Tarikh mula berkhidmat dengan Universiti ini: Date of first appointment with this University:	
B(vi)	Jenis Perkhidmatan [Sila tandakan (✓)]: Type of service [Please tick (✓)]:	
	☐ Tetap Permanent	☐ Kontrak (Nyatakan tarikh tamat kontrak): _____ Contract (State contract expiry date)
C.	MAKLUMAT PELAJAR / DETAILS OF STUDENT	
C(i)	Nama : Nama	No. Kad Matrik: Matric No.:
C(ii)	Facultty/Pusat/Institut/Unit: Faculty/Centre/Institute/Unit	

C(iii)	No. Telefon Bimbit : <i>Handphone No.</i>																								
C(iv)	Alamat e-mel: <i>E-mail Address</i>																								
C(v)	Tarikh mula berdaftar sebagai pelajar Pascasiswazah: <i>Date of registration as a Postgraduate Student</i>																								
C(vi)	Tarikh dijangka Tamat Pengajian: <i>Expected completion date of studies</i>																								
D	MAKLUMAT PENYELIDIKAN / RESEARCH INFORMATION																								
D (i)	Bidang Penyelidikan [Sila tandakan (✓)]: <i>Research Area [Please tick (✓)]:</i> A. Sains Tulen/Pure Science <table border="0"> <tr> <td>☐ Kimia <i>Chemistry</i></td> <td>☐ Fizik <i>Physic</i></td> <td>☐ Biologi <i>Biology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Biokimia <i>Biochemistry</i></td> <td>☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i></td> <td>☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i></td> </tr> </table> B. Sains Gunaan/Applied Science <table border="0"> <tr> <td>☐ Kimia <i>Chemistry</i></td> <td>☐ Fizik <i>Physic</i></td> <td>☐ Biologi <i>Biology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i></td> <td>☐ Sains Komputer <i>Computer Science</i></td> <td>☐ Bioteknologi <i>Biotechnology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i></td> <td></td> <td></td> </tr> </table> C. Teknologi dan Kejuruteraan/Technology and Engineering <table border="0"> <tr> <td>☐ Mekanikal dan Pembuatan <i>Mechanical & Manufacturing</i></td> <td>☐ Elektrikal dan Elektronik <i>Electrical and Electronic</i></td> <td>☐ Awam <i>General</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Bahan dan Polimer <i>Material and Polymer</i></td> <td>☐ Kejuruteraan Kimia <i>Chemical Engineering</i></td> <td>☐ Teknologi Komunikasi & Informasi <i>Information & Communication Technology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Tenaga <i>Energy</i></td> <td>☐ Pengangkutan <i>Transportation</i></td> <td></td> </tr> </table>	☐ Kimia <i>Chemistry</i>	☐ Fizik <i>Physic</i>	☐ Biologi <i>Biology</i>	☐ Biokimia <i>Biochemistry</i>	☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i>	☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i>	☐ Kimia <i>Chemistry</i>	☐ Fizik <i>Physic</i>	☐ Biologi <i>Biology</i>	☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i>	☐ Sains Komputer <i>Computer Science</i>	☐ Bioteknologi <i>Biotechnology</i>	☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i>			☐ Mekanikal dan Pembuatan <i>Mechanical & Manufacturing</i>	☐ Elektrikal dan Elektronik <i>Electrical and Electronic</i>	☐ Awam <i>General</i>	☐ Bahan dan Polimer <i>Material and Polymer</i>	☐ Kejuruteraan Kimia <i>Chemical Engineering</i>	☐ Teknologi Komunikasi & Informasi <i>Information & Communication Technology</i>	☐ Tenaga <i>Energy</i>	☐ Pengangkutan <i>Transportation</i>	
☐ Kimia <i>Chemistry</i>	☐ Fizik <i>Physic</i>	☐ Biologi <i>Biology</i>																							
☐ Biokimia <i>Biochemistry</i>	☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i>	☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i>																							
☐ Kimia <i>Chemistry</i>	☐ Fizik <i>Physic</i>	☐ Biologi <i>Biology</i>																							
☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i>	☐ Sains Komputer <i>Computer Science</i>	☐ Bioteknologi <i>Biotechnology</i>																							
☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i>																									
☐ Mekanikal dan Pembuatan <i>Mechanical & Manufacturing</i>	☐ Elektrikal dan Elektronik <i>Electrical and Electronic</i>	☐ Awam <i>General</i>																							
☐ Bahan dan Polimer <i>Material and Polymer</i>	☐ Kejuruteraan Kimia <i>Chemical Engineering</i>	☐ Teknologi Komunikasi & Informasi <i>Information & Communication Technology</i>																							
☐ Tenaga <i>Energy</i>	☐ Pengangkutan <i>Transportation</i>																								

	D. Sains Kesihatan dan Klinikal/Clinical and Health Sciences		
	☐ Sains Perubatan Asas <i>Basic Medical Sciences</i>	☐ Farnasi <i>Pharmacy</i>	☐ Farnakologi <i>Pharmacology</i>
	☐ Mikrobiologi Perubatan <i>Medical Microbiology</i>	☐ Parasitologi <i>Parasitology</i>	☐ Pathologi <i>Pathology</i>
	☐ Perubatan Pencegahan Masyarakat <i>Community Medical Prevention</i>	☐ Klinikal Surgikal <i>Clinical Surgical</i>	☐ Klinikal Medikal <i>Clinical Medical</i>
	☐ Sains Kesihatan Bersekutu <i>Associate Health Science</i>	☐ Pergigian <i>Dental</i>	☐ Sains Kejururawatan <i>Nursing Science</i>
	E. Sains Sosial/Social Sciences		
	☐ Antropologi <i>Anthropology</i>	☐ Psikologi <i>Psychology</i>	☐ Sosiologi <i>Sociology</i>
	☐ Sains Politik <i>Political Science</i>	☐ Pengurusan dan Perniagaan <i>Management and Business</i>	☐ Geografi <i>Geography</i>
	☐ Ekonomi <i>Economic</i>	☐ Ekologi Manusia <i>Human Ecology</i>	☐ Komunikasi <i>Communication</i>
	F. Sastera dan Sastera Ikhtisas/Arts and Applied Arts		
☐ Bahasa dan Linguistik <i>Language and Linguistic</i>	☐ Kesusasteraan <i>Literature</i>	☐ Agama <i>Religion</i>	
☐ Falsafah <i>Philosophy</i>	☐ Tamadun <i>Civilization</i>	☐ Sejarah <i>History</i>	
☐ Seni <i>Art</i>	☐ Budaya <i>Culture</i>	☐ Pendidikan <i>Education</i>	
☐ Dasar dan Undang-undang <i>Principle and Law</i>	☐ Alam Bina-Aspek Kemanusiaan <i>Built Environment</i>	☐ Alam Sekitar-Aspek Kemanusiaan <i>Environment</i>	
G. Sains Tabii dan Warisan Negara/Natural Sciences and National Heritage			
☐ Alam Sekitar <i>Environment</i>	☐ Perhutanan <i>Forestry</i>	☐ Pertanian <i>Argiculture</i>	
☐ Marin <i>Marine</i>	☐ Arkeologi <i>Archaeology</i>	☐ Geologi <i>Geology</i>	
☐ Etnografi <i>Ethnography</i>	☐ Alam Bina (Aspek Warisan) <i>Built Environment (Heritage Aspect)</i>	☐ Budaya <i>Culture</i>	
☐ Kepelbagaian Biologi <i>Various Biology</i>			
D (ii)	Tempat penyelidikan dijalankan: <i>Location of research:</i>		

D (iii)	Tempoh penyelidikan (Maksimum 24 bulan bagi Sarjana/36 bulan bagi PhD): <i>Duration of research (Maximum 24 months for Master/36 months for PhD):</i> Tempoh : _____ Bulan Dari : _____ Hingga : _____ <i>Duration Months From To</i>																																
D (iv)	Penyelidikan yang telah/sedang dijalankan oleh Penyelia dalam tempoh 3 tahun terakhir. Maklumat yang diperlukan termasuk tajuk, tempoh, tarikh mula dan tarikh tamat projek. <i>Research projects that have been completed/ongoing undertaken by Supervisor in the past three years. Please provide Title of Research, Duration, Start Date and End Date :</i> <table border="1" data-bbox="193 600 1469 1066"> <thead> <tr> <th data-bbox="193 600 272 703">Bil.</th> <th data-bbox="272 600 831 703">Tajuk Penyelidikan (Title of research)</th> <th data-bbox="831 600 1150 703">Tarikh Mula (Start Date)</th> <th data-bbox="1150 600 1469 703">Tarikh Tamat (End Date)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Tajuk Penyelidikan (Title of research)	Tarikh Mula (Start Date)	Tarikh Tamat (End Date)																												
Bil.	Tajuk Penyelidikan (Title of research)	Tarikh Mula (Start Date)	Tarikh Tamat (End Date)																														
D (v)	Maklumat Cadangan Penyelidikan secara terperinci: <i>Details of Research Proposal</i> (a) Keterangan latar belakang penyelidikan termasuk kenyataan hipotesis / persoalan penyelidikan dan kajian literatur/ <i>Research background including Hypothesis /Research Questions and Literature Reviews.</i> (b) Objektif Penyelidikan/Objective(s) of the Research <i>Contoh/Example:</i> Objektif Kajian adalah seperti berikut/This study embarks on the following objectives: 1) Untuk mengenalpasti/To investigate.... 2) Untuk menilai/To assess..... 3) Untuk menyiasat/To investigate 4) Untuk membuat cadangan berdasarkan/To make recommendation based on (c) Kaedah Penyelidikan/Methodology Sila nyatakan di borang ini/Please state in the form 1) Metodologi/Description of Methodology																																

	2) Carta Alir bagi Aktiviti Penyelidikan (Sila sertakan dalam Lampiran) <i>Flow Chart of Research Activities (Please enclose in the Appendix)</i> 3) Carta Gantt bagi Aktiviti Penyelidikan (Sila sertakan dalam Lampiran) <i>Gantt Chart of Research Activities (Please enclose in the Appendix)</i> 4) Milestones dan Tarikh/Milestones and Dates (d) Jangkaan Hasil Penyelidikan/Expected Results/Benefit 1) Teori Novel/Penemuan Baru/Pengetahuan/Novel Theories/New findings/Knowledge 2) Penyelidikan Penerbitan/Research Publications 3) Permohonan Khusus atau Potensi/Specific or Potential Applications 4) Bilangan Pelajar Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana (Secara Penyelidikan) <i>Number of PhD and Masters (by research) Student</i>					
E.	KEMUDAHAN SEDIA ADA UNTUK KEGUNAAN BAGI PENYELIDIKAN INI (ACCESS TO EQUIPMENT AND MATERIAL)					
	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="193 999 834 1059"> Universiti <i>University</i> </th> <th data-bbox="834 999 1474 1059"> Lain-lain tempat/sumber <i>Other Sources or Places</i> </th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="193 1059 834 1832"> Contoh Example: Equipment: Incubator, Heater and Stirrer, Freeze dryer, Autoclave, Fridge, Analytical Weight, Milliopore, Computer with antioxidant software, Microtiterplate reader, Fume hood, Cold Room, Automated Tissue Processor, Microtome, Waxing Machine, Histology Waterbath, Light Microscope, Centrifuge, Microcentrifuge, Computer with COMET software, Nikon camera, Polaroid MP-4, Land camera, Computer with SPSS Version 13, Refrigerator, Pipettor, Homogenizer. </td> <td data-bbox="834 1059 1474 1832"></td> </tr> </tbody> </table>		Universiti <i>University</i>	Lain-lain tempat/sumber <i>Other Sources or Places</i>	Contoh Example: Equipment: Incubator, Heater and Stirrer, Freeze dryer, Autoclave, Fridge, Analytical Weight, Milliopore, Computer with antioxidant software, Microtiterplate reader, Fume hood, Cold Room, Automated Tissue Processor, Microtome, Waxing Machine, Histology Waterbath, Light Microscope, Centrifuge, Microcentrifuge, Computer with COMET software, Nikon camera, Polaroid MP-4, Land camera, Computer with SPSS Version 13, Refrigerator, Pipettor, Homogenizer.	
Universiti <i>University</i>	Lain-lain tempat/sumber <i>Other Sources or Places</i>					
Contoh Example: Equipment: Incubator, Heater and Stirrer, Freeze dryer, Autoclave, Fridge, Analytical Weight, Milliopore, Computer with antioxidant software, Microtiterplate reader, Fume hood, Cold Room, Automated Tissue Processor, Microtome, Waxing Machine, Histology Waterbath, Light Microscope, Centrifuge, Microcentrifuge, Computer with COMET software, Nikon camera, Polaroid MP-4, Land camera, Computer with SPSS Version 13, Refrigerator, Pipettor, Homogenizer.						

F.	BELANJAWAN / BUDGET				
	Sila nyatakan anggaran bajet bagi cadangan penyelidikan ini dan berikan butir – butir perbelanjaan lengkap dengan berpanduan kepada garis panduan yang dilampirkan. <i>Please indicate your estimated budget for this research and details of expenditure according to the guidelines attached.</i>				
	Butiran belanjawan <i>Budget details</i>	Jumlah yang dipohon <i>Amount requested by applicant</i>			
		Tahun 1 <i>Year 1</i> (RM)	Tahun 2 <i>Year 2</i> (RM)	Tahun 3 <i>Year 3</i> (RM)	Jumlah <i>Total</i> (RM)
F (i)	Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan <i>Travelling and Transportation</i>				
F (ii)	Vot 23000 - Komunikasi & Utiliti (Telefon, Faks, Pos dll.) <i>Communication & Utilities (Phone, Fax, Postage etc.)</i>				
F (iii)	Vot 24000 - Sewaan <i>Rental</i>				
F (iv)	Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Penyelidikan <i>Research Materials & Supplies</i>				
F (v)	Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhfisas <i>Professional Services</i>				
JUMLAH KESELURUHAN (RM) : <i>TOTAL AMOUNT (RM):</i>					

G.	PERAKUAN PEMOHON [SILA TANDAKAN (✓)]: DECLARATION BY APPLICANT [PLEASE TICK (✓)]:
	Saya dengan ini mengaku bahawa: <i>I hereby declare that:</i> ☐ 1. Proposal yang dikemukakan telah disediakan dibawah seliaan saya dan telah diperbaiki berdasarkan komen daripada panel penilai dalaman peringkat Fakulti/Institut. <i>The submitted proposal has been prepared with my supervision and revised accordingly based on Internal Evaluator's comments of related Faculty/Institute.</i> ☐ 2. Semua maklumat yang diisi adalah benar, UMS dan PPI berhak menolak permohonan atau membatalkan tawaran pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar. <i>All information stated here are accurate, UMS and PPI has the right to reject or to cancel the offer without prior notice if there is any inaccurate information given.</i> Tarikh : _____ Tandatangan Pemohon : _____ <i>Date :</i> _____ <i>Applicant's Signature :</i> _____ Bersama ini dilampirkan [Sila tandakan(✓)]: <i>Attached herewith [Please tick (✓)] :</i> ☐ 1. Borang dalam Two (2) Salinan <i>Two (2) Copies of This Form</i> ☐ 2. Curriculum Vitae (Penyelia/Ketua Projek) <i>Curriculum Vitae (Supervisor/Project Leader)</i> ☐ 3. Carta Alir <i>Flow Chart</i> ☐ 4. Carta Gantt <i>Gantt Chart</i> ☐ 5. Milestone dan Tarikh <i>Milestone and Date</i> ☐ 6. Salinan borang penilaian pembentangan proposal pelajar pascasiswazah di peringkat Fakulti/Institut. <i>A copy of proposal evaluation's form at Faculty/Institute level</i>

H.	PERAKUAN JAWATANKUASA INDUK GERAN BANTUAN PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH (JKI UMSGreat) <i>Recommendation by Postgraduate Research Grant Main Committee (JKIUMSGreat)</i>
	Diperakukan [Sila tandakan (✓)]: <i>Recommended [Please tick (✓)]:</i> ☐ A. Sangat Disokong <i>Highly Recommended</i> ☐ B. Disokong <i>Recommended</i> ☐ C. Tidak Disokong (Sila nyatakan sebab) <i>Not Recommended (Please specify reason)</i> Ulasan: <i>Comments:</i>
	Nama: <i>Name:</i> Tarikh: <i>Date:</i> Tandatangan dan Cop Jawatan: <i>Signature and stamp:</i>

NOTA: SEMUA PERMOHONAN DIANGGAP SULIT. KEPUTUSAN JAWATANKUASA INDUK GERAN BANTUAN PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH UMS (UMSGreat) ADALAH MUKTAMAD.
 SUBMITTED APPLICATION WILL BE TREATED CONFIDENTIAL. DECISION OF THE POSTGRADUATE RESEARCH GRANT COMMITTEE (JKIUMSGreat) IS **FINAL**.

LAMPIRAN 2



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI
Aras 4, Blok Utara, Bangunan Canselor
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-320 393, Faks : 088-320127
Emel : ric@ums.edu.my

BORANG UMSGreat2
LAPORAN KEMAJUAN PROJEK PENYELIDIKAN
PROGRESS REPORT FOR RESEARCH PROJECT

A. BUTIRAN PROJEK PENYELIDIKAN (Research Project Details)

TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN
Research Title :

KOD PROJEK PENYELIDIKAN
Project Code of Research :

NAMA PENYELIA
Supervisors Name :

NAMA PELAJAR
Student Name :

NOMBOR MATRIK
Matric No. :

FAKULTI/PUSAT/INSTITUT/UNIT
Faculty/Centre/Institute/Unit :

TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN
Project Research Duration :

_____ Bulan
Months

Mula: _____
From

Tamat: _____
To

LAPORAN PRESTASI BAGI
For Milestone :

☐ Januari – Jun
January - June

☐ Julai – Disember
July – December

TAHUN: _____
Year

B. PRESTASI PROJEK PENYELIDIKAN (Research Project Achievement)

PERATUS PENCAPAIAN PERBATUAN (Milestone Achievement Percentage)

Prestasi berdasarkan perbatuan yang dicapai sehingga kini
(Project progress according to milestones achieved up to this period)

0 - 25%

26 - 50%

51 - 75%

76 - 100%

Peratus (Percentage)

Bil. No.	Butiran Perbatuan Milestone	Tarikh Cadangan Perbatuan Planned Milestone Date (MM/YY)	Pencapaian Perbatuan Achieve Milestone (Yes/No)	Tarikh Pencapaian Sebenar Perbatuan Actual Completion (MM/YY)

HASIL PENYELIDIKAN (Research Output)		
Jumlah artikel/manuskrip/Buku (Number of articles/ manuscripts/ books)	Jurnal berwasit <i>Refereed Journal</i>	Jurnal tidak berwasit <i>Non-refereed Journal</i>
* Please attach the First Page of Publication		
Prosiding Persidangan (Conference Proceeding)	International	National
* Please attach the First Page of Publication		
Harta Intelek (Intellectual Property), Please specify		
Anugerah/Lain-lain (sila jelaskan) Awards/Others (Please specify)		

C. PERBELANJAAN (Expenditure)	
Peruntukan diluluskan (Budget Approved) Jumlah Perbelanjaan (Amount Spent)	: RM : RM
Baki (Balance)	: RM _____
Peratus Perbelanjaan (Percentage of Amount Spent)	: _____ %

D. RINGKASAN PENEMUAN PROJEK PENYELIDIKAN (Summary of Research Findings)	

E. MASALAH/ KEKANGAN SEKIRANYA ADA (Problems/Constraints If Any)	

F. CADANGAN PENYELESAIAN *(Proposed Solution)*Tarikh :
DateTandatangan Pelajar :
Student Signature**G. KOMEN DAN PENGESAHAN OLEH PENYELIA PROJEK PENYELIDIKAN**
*(Comments and Endorsement by the Supervisor)*Tarih:
DateTandatangan:
Signature**H. KOMEN PENGESAHAN OLEH PENGARAH, PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI**
*(Comments Endorsement by Director, Centre for Research and Innovation)*Tarih:
DateTandatangan dan Cop:
Signature & Stamp

LAMPIRAN 3



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Aras 4, Blok Utara, Bangunan Canselor
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-320 393, Faks : 088-320127
Emel : ric@ums.edu.my

BORANG UMSGreat3
LAPORAN AKHIR PROJEK PENYELIDIKAN
FINAL REPORT FOR RESEARCH PROJECT

A. MAKLUMAT PENYELIA & PELAJAR (Details of Supervisor & Students)

NAMA PENYELIA :
Supervisor's Name
FAKULTI/PUSAT/INSTITUT/UNIT :
Faculty/Centre/Institute/Unit
EMEL;SAMB.;HP;FAKS :
Email;Ext;Hp;Fax
NAMA PELAJAR :
Student Name
NOMBOR MATRIK :
Matric No.
EMEL;SAMB.;HP;FAKS :
Email;Ext;Hp;Fax

B. BUTIRAN PROJEK PENYELIDIKAN (Research Project Details)

TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN :
Research Title
KOD PROJEK PENYELIDIKAN :
Project Code
TEMPOH PROJEK : _____ Bulan Mula: _____ Tamat: _____
Project Duration Months From To
PERLANJUTAN TEMPOH (Jika ada) : _____ Bulan Mula: _____ Tamat: _____
Project Duration Extension (If any) Months From To

C. PERBELANJAAN (Expenditure)

	V11000	V21000	V23000	V24000	V26000	V27000	V28000	V29000	V35000	Jumlah (RM)
Agihan Vot Budget allocation										
Jumlah Perbelanjaan (RM) Expenses (RM)										
Baki (RM) Balance (RM)										

Peratus Perbelanjaan (Percentage of Amount Spent) : _____ %

D. PENCAPAIAN PROJEK (Project Achievement)

HASIL PENYELIDIKAN Research Output			
Jumlah Artikel/Manuskrip/Buku (Number of articles/ manuscripts/ books) Please attach the full page of publication	Jurnal berwasit Refereed Journal		Jurnal tidak berwasit Non-Refereed Journal
Aktiviti: Activities Persidangan/Kursus/Seminar/Symposium/Bengkel/Lawatan/Pertandingan (Conference/Course/Seminar/Symposium/Workshop/Visit/Competition) * Please attach the copies of presented Papers or other related documents	Kebangsaan National		
	Tajuk Title	Tarikh & Tempat Date & Venue	Penganjur Organizer
	Antarabangsa International		
	Tajuk Title	Tarikh & Tempat Date & Venue	Penganjur Organizer
Harta Intelek (Jika ada) Intellectual Property (If any)			
Anugerah/Lain-lain Awards / Others			

E. RINGKASAN PROFIL PENYELIDIKAN *(Profile Summary of Research)*

1. Disediakan dalam lampiran berasingan seperti Lampiran UMSGreat-1
Provided in a separate appendix as Lampiran UMSGreat-1.
2. Dalam versi Bahasa Inggeris. Disediakan dalam bentuk CD (soft copy) dan 2 salinan 'hard copy' (Cetakan kulit keras) dan dihantar kepada Urusetia UMSGreat, Pusat Penyelidikan dan Inovasi, UMS.
English version. Prepared in CD (soft copy) and 3 set of Hard Cover Printed (hard copy) and submit to the Research Secretariat, Centre for Research and Innovation, UMS.

Tandatangan Pelajar :
Signature

Tarikh :
Date

F. KOMEN DAN PENGESAHAN OLEH PENYELIA PROJEK PENYELIDIKAN*(Comments and Endorsement by Supervisor)*

Tandatangan dan Cop :
Signature

Tarikh :
Date

G. KOMEN DAN PENGESAHAN OLEH PENGARAH, PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI*(Comments and Endorsement by Director, Centre for Research and Innovation)*

Tandatangan dan Cop :
Signature & Stamp

Tarikh :
Date

FORMAT PROFIL PENYELIDIKAN
Research Profile Format

- i) Dalam versi Bahasa Inggeris. Disediakan dalam bentuk CD (soft copy) dan 2 salinan 'hard copy' (Cetakan kulit keras) dan dihantar kepada Urusetia UMGreat, Pusat Penyelidikan dan Inovasi, UMS.
English version. Prepared in CD (soft copy) and 2 set of Hard Cover Printed (hard copy) and submit to the UMGreat Secretariat, Centre for Research and Innovation, UMS.
- ii) Laporan tidak melebihi lima (5) muka surat bagi setiap satu projek penyelidikan dan perlu disertakan gambar berkaitan projek penyelidikan.
Not more than 5 pages and attached with related research photo
- iii) Jenis dan saiz tulisan: *Tajuk Title* – Arial, 13
Style and Font Size *Isi kandungan Content* – Arial, 11
- iv) Template:-

TITLE OF RESEARCH

Name of Project Leader

Name of co-researchers

IPTA/ Faculty /Centre/Institute/Unit

E-mail

Field

ABSTRACT (120 words)

1. INTRODUCTION

2. RESEARCH METHODOLOGY

3. LITERATURE REVIEW

4. FINDINGS

5. CONCLUSION

ACHIEVEMENT

- i) Name of articles/ manuscripts/ books published
- ii) Title of Paper presentations (international/ local)
- iii) Human Capital Development
- iv) Awards/ Others
- v) Others

REFERENCES

- [1]
- [2]

APPENDIXES

Copies of Publication (Journal;BookCover;etc.)
Picture related to the research project